

25 SEP 2001

MAHATHIR-SELAMAT

KERAJAAN AKAN BANTU SYARIKAT-SYARIKAT YANG BERMASALAH, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 25 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengulangi pendirian kerajaan untuk tidak "menyelamat" syarikat-syarikat bermasalah tetapi lebih kepada membantu mereka untuk pulih semula.

"Kita tidak akan menyelamatkan (syarikat-syarikat) tetapi kita akan membantu mereka menyusun semula syarikat-syarikat semula dan membantu mereka supaya mereka boleh berfungsi (semula)," kata beliau.

Dr Mahathir, yang mengumumkan pakej rangsangan RM4.3 bilion pada sidang media di sini hari ini, berkata demikian semasa menjawab pertanyaan sama ada kerajaan akan membantu syarikat-syarikat yang sedang disusun semula dan terjebak dalam pergolakan semasa berikutan serangan pengganas di Amerika Syarikat.

Perdana Menteri berkata: "Nampaknya dunia kini menerima tindakan menyelamatkan. Sebelum ini, adalah satu jenayah tetapi kini setiap orang menyelamatkan perniagaan yang bermasalah."

Usaha Malaysia untuk membantu syarikat-syarikat yang terjejas teruk dengan krisis matawang pada tahun 1997 untuk kembali pulih menerima kritikan hebat daripada media asing, yang menuduh kerajaan bertindak menyelamatkan.

Dr Mahathir berkata tiada faedahnya kepada kerajaan ataupun rakyat dengan tindakan memuflikkan syarikat.

"Sesetengah orang berpendapat syarikat yang lemah hendaklah dibenarkan ditutup walaupun tidak pernah terlintas di fikiran kita untuk berbuat demikian. Kita merasakan syarikat yang lemah boleh dibantu terutama apabila mereka menghadapi cabaran yang luar biasa," katanya.

Beliau berkata dunia kini menerima keadaan semasa "sebagai satu masa yang luar biasa, jadi syarikat-syarikat seperti syarikat penerbangan mesti dibantu."

Semasa ditanya mengenai kesan proses globalisasi berikutan pergolakan dunia semasa, Dr Mahathir berkata akan terdapat kelembapan dalam proses globalisasi kerana masalah untuk mengadakan mesyuarat.

Beliau berkata demonstrasi oleh pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang lebih menjadi masalah dan telah membawa kepada pembatalan mesyuarat.

"Apabila orang ramai takut, mereka bukan sahaja berdemonstrasi, mereka boleh melakukan teruk daripada itu," katanya lagi. -- BERNAMA

SHO MR NHD